

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Bazar Ramadan, Aidilfitri

KKM tingkat pemantauan kebersihan makanan

Tindakan tegas jika pengendali, pengusaha premis gagal patuhi peraturan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) meningkatkan gerakan pemantauan dan pemeriksaan ke atas pengendali makanan, termasuk kedai makan, hotel dan bazar Ramadan bagi memastikan mereka mematuhi aspek kebersihan diri dan premis serta proses penyediaan hidan

ngan sepanjang Ramadan ini.

Jika dikesan gagal mematuhi peraturan, termasuk dalam pemilihan bahan mentah, pengendalian serta penyediaan makanan, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan mengambil tindakan tegas seperti peruntukan undang-undang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata amalan kebersihan dalam penyediaan makanan sama sekali tidak boleh dikompromi dan pengendali serta pengusaha premis makanan perlu bertanggungjawab memastikan makanan disediakan bersih dan selamat.

"Keracunan makanan sehingga menyebabkan kematian boleh berlaku jika aspek penyediaan kebersihan makanan diabaikan.

"KKM sentiasa menjalankan pemantauan ke atas kebersihan premis dan pengendali makanan dari semasa ke semasa," katanya kepada BH.



Dr Noor Hisham Abdullah

Dr Noor Hisham berkata, jika tahap keselamatan makanan dicabuli, pengendali makanan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Makanan 1983, termasuk penutupan premis atau jika disabitkan kesalahan, boleh didenda atau penjara tidak lebih dua tahun.

"Amalan kebersihan dan keselamatan makanan perlu dijadikan budaya supaya keracunan serta penyakit bawaan makanan tidak berlaku.

"Negara akan kerugian dari segi ekonomi dan produktiviti jika pengusaha dan pengendali makanan berterusan mengabaikan keselamatan makanan.

"Kesihatan rakyat akan terjejas akibat tangan pengendali yang kotor," katanya.

Tiga hari lalu, 14 hotel dan tiga bazar Ramadan di Melaka dikompaun kerana melanggar Peraturan Kebersihan Makanan 2009 sejak awal Ramadan lalu, manakala kelmarin pula, dua beradik cirit-birit dan muntah selepas dikatakan makan puding buih di sebuah bazar Ramadan di Kampung Bukit Tumbuh, Kuala Terengganu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

Seorang lelaki maut disahkan akibat jangkitan rabies

Shah Alam: Kematian seorang lelaki warga tempatan di daerah Petaling pada 10 Mac lalu, disahkan akibat jangkitan rabies.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata perkara itu disahkan pada Isnin lalu selepas keputusan ujian makmal diperoleh.

Beliau berkata, mangsa berusia 40 tahun itu meninggal dunia di rumahnya.

"Mayat mendiang telah dihantar ke Hospital Serdang untuk

bedah siasat, dan keputusan ujian makmal bagi spesimen otak didapati positif virus rabies," katanya dalam kenyataan melalui Facebook rasmi Jabatan Kesihatan Selangor (JKNS).

Dr Sha'ari berkata, hasil siasatan dalam kalangan masyarakat setempat mendapati mendiang dilihat berjalan-jalan di sekitar kawasan perumahannya, dua hari sebelum meninggal dunia.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Tiada gejala dan tanda

penyakit rabies dilaporkan pada kes yang berlaku di Selangor ini," katanya.

Susulan itu, beliau berkata, beberapa langkah pencegahan dan kawalan dijalankan secara bersepadu oleh JKNS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Petaling, termasuk penangkapan anjing liar di lokaliti terbabit bermula 7 April lalu.

"Spesimen haiwan yang di-

tangkap, dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar (VRI)," katanya.

Dr Sha'ari berkata, langkah lain diambil ialah siasatan lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling serta Program *Active Case Detection* (ACD) dalam lingkungan radius satu kilometer dari rumah mendiang.

Selain itu, beliau berkata, surat peka kepada semua fasiliti kesihatan awam dan swasta juga sudah dikeluarkan bagi memper-

tingkat kesedaran serta pengesanan awal kes gigitan anjing atau haiwan liar oleh pengamal perubatan di Selangor.

"Seterusnya, pelantikan dua hospital rujukan kes gigitan anjing di negeri ini, iaitu Hospital Shah Alam dan Hospital Serdang.

"Ini bagi membolehkan penilaian risiko serta kategori luka bagi pemberian vaksin rabies dan rawatan immunoglobulin rabies sekiranya perlu," katanya.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL

1 kematian akibat rabies dilaporkan di Selangor

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan terdapat satu kes kematian membabitkan seorang lelaki warga tempatan yang disahkan rabies pada 4 April lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman dalam kenyataan di Facebook rasmi JKNS memaklumkan mangsa yang berusia 40 tahun dan menetap di daerah Petaling itu meninggal dunia di rumah pada 10 Mac lalu.

"Mendiang dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat dan keputusan ujian mak-

mal bag spesimen otak didapati positif virus rabies," katanya.

Dr Sha'ari berkata, hasil siasatan dalam kalangan masyarakat setempat mendapati mendiang dilihat masih berjalan-jalan di sekitar kawasan perumahan dua hari sebelum meninggal.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Tiada gejala dan tanda penyakit rabies dilaporkan pada kes yang berlaku di Selangor ini," katanya.

Dr Sha'ari berkata, berikutan kes itu, beberapa langkah pencegahan dan kawalan sudah dijalankan secara bersepadu oleh

JKNS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Petaling antaranya penangkapan anjing liar yang dijalankan di lokaliti terbabit bermula 7 April lalu.

"Spesimen haiwan yang ditangkap dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar (VRI)," katanya.

Dr Sha'ari berkata, siasatan lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan Program *Active Case Detection* (ACD) dilakukan dalam lingkungan radius satu kilometer dari rumah mendiang.

Katanya, surat peka kepada semua fasiliti kesihatan awam dan swasta sudah dikeluarkan bagi meningkatkan kesedaran dan pengesanan awal kes gigitan anjing atau haiwan liar oleh pengamal perubatan di Selangor.

"Selain itu, pelantikan dua hospital rujukan kes gigitan anjing di negeri ini iaitu Hospital Shah Alam dan Hospital Serdang. Ini bagi membolehkan penilaian risiko dan kategori luka bag pemberian vaksin rabies serta rawatan *immunoglobulin* rabies sekiranya perlu," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

21 kes kematian direkodkan kelmarin

Putrajaya: Sebanyak 10,177 kes baharu Covid-19 dilaporkan setakat kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti virus berkenaan kini meningkat kepada 4,281,440 kes.

Menerusi data yang dikongsikan dalam laman sesawang COVIDNOW, jumlah itu membabitkan 10,124 kes penularan tempatan dengan 53 kes lagi adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Negeri tertinggi yang mencatatkan pertambahan kes baharu termasuk kes import ialah Selangor yang melaporkan pertambahan empat angka dengan 5,686 kes dicatatkan setakat kelmarin.

Ia diikuti Kuala Lumpur iaitu sebanyak 1,008 kes, Perak (583), Johor (544), Negeri Sembilan (519), Pulau Pinang (372), Sarawak (350), Kedah (311), Pahang (214), Melaka (206), Terengganu (137) dan Sabah (106).

Turut mencatatkan pertambahan kes baharu ialah di Kelantan 64 kes baharu diikuti Perlis (29), Putrajaya (28) dan

Labuan dengan 20 kes.

Perkembangan itu menjadikan setakat kelmarin sebanyak 153,463 kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 di negara ini.

Daripada jumlah itu sebanyak 97.7 peratus bersamaan 149,994 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah.

Selain itu, sebanyak 1.9 peratus atau 2,964 kes pula sedang dirawat di hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) (310), Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (108) dan ICU (87). Sementara itu, mengenai kes baharu yang dilaporkan kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan jumlah jangkitan baharu itu paling tinggi membabitkan kategori satu atau tidak mempunyai gejala iaitu sebanyak 56.67 peratus bersamaan 5,767 kes.

"Ia diikuti kategori dua dengan 4,347 kes, kategori tiga (31), kategori lima (18) dan kategori empat (14). Se-

cara keseluruhannya, daripada 63 kes dalam kategori tiga hingga lima itu, sebanyak 38 kes membabitkan individu berusia 60 tahun ke atas.

"Selain itu, 35 kes pula membabitkan individu yang mempunyai komorbid, sudah menerima dua dos vaksin namun tiada dos penggalak (22), sudah menerima dos penggalak (21), tidak divaksin atau belum lengkap vaksin (20) dan ibu mengandung (2)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengenai kes kematian akibat jangkitan Covid-19 di negara ini, beliau berkata, setakat kelmarin terdapat 21 korban dilaporkan dan tiada kes kematian di luar fasiliti-

ti kesihatan (BID).

Negeri yang mencatatkan kes kematian ialah Johor dengan empat kes, masing-masing tiga kes di Kedah, Pahang dan Selangor, masing-masing dua kes di Perak dan Sarawak serta masing-masing satu kes di Melaka, Negeri Sembilan, Perlis serta Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 15,132 kes pulih dilaporkan menjadikan sehingga kini sebanyak 4,128,963 individu sudah pulih sepenuhnya daripada jangkitan berkenaan.



SEJUMLAH 15,915,493 individu dewasa sudah terima dos penggalak.

22,956,764 dewasa lengkap vaksinasi

Kuala Lumpur: Seramai 15,915,493 individu dewasa atau 67.6 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web COVIDNOW, sejumlah 22,956,764 individu atau 97.6 peratus daripada populasi sama sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 23,233,706 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, seramai 2,859,026 individu atau 91.9 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi manakala 2,960,123 atau 95.1 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sejumlah 104,250 individu sudah melengkapkan vaksinasi melalui Program Imuni-

sasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) manakala 1,363,134 individu atau 38.4 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19.

Sebanyak 40,792 dos vaksin sudah diberikan kelmarin meliputi 6,401 dos pertama, 27,716 dos kedua dan 6,675 dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 69,180,021.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 21 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor mencatatkan kes tertinggi iaitu empat kes diikuti Kedah, Pahang dan Selangor masing-masing tiga kes.

Selain itu, Perak dan Sarawak masing-masing merekodkan dua kes manakala masing-masing satu kes di Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kuala Lumpur.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

Dua beradik keracunan selepas makan puding buih 'Muka mereka pucat, badan makin lemah'

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA NERUS – Kegembiraan dua beradik menikmati puding buih ketika berbuka puasa pada Rabu lalu bertukar mimpi ngeri apabila mereka mengalami keracunan makanan dipercayai berpunca daripada juadah itu.

Kejadian tersebut menyebabkan Muhammad Aqil Rifqi Mohd. Rusnizam, 9, dan adiknya, Nur Azzahra Raisha, 7, terpaksa dikejarkan ke hospital, kira-kira sembilan jam selepas memakan puding buih tersebut.

Ibu mangsa, Tuan Naemah Tuan Husain, 37, mendakwa, dia membeli puding buih tersebut di Bazar Ramadan Kampung Bukit Tumbuh di sini pada pukul 6 petang, 6 April lalu.

"Dua anak saya mula mengala-

mi cirit-birit dan muntah-muntah pada pukul 4 pagi.

"Situasi itu menyebabkan badan menjadi lemah dan muka bertukar pucat menyebabkan kami membawa mereka ke sebuah klinik swasta," katanya di sini semalam.

Menurutnya, doktor klinik swasta kemudian meminta Muhammad Aqil Rifqi dan Nur Azzahra Raisha yang merupakan murid Sekolah Kebangsaan Bukit Tumbuh di sini dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu.

Dia yang menetap di Bukit Tok Beng di sini memberitahu, keadaan kedua-dua anaknya semakin pulih setelah tiga hari menerima rawatan di wad HSNZ, namun masih memerlukan pemantauan.

"Saya syak mereka keracunan

puding buih. Ahli keluarga lain yang tidak memakan pencuci mulut itu tidak mengalami apa-apa simptom," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, siasatan mengenai punca dua beradik itu keracunan makanan sedang dijalankan.

"Kami juga sudah mengambil sampel (puding buih) bagi membantu siasatan," katanya.

Puding buih merupakan pencuci mulut yang diperbuat daripada telur ayam dan serbuk agar-agar sebelum dimakan bersama sos kastard.

Juadah itu pernah menyebabkan 99 individu keracunan termasuk seorang meninggal dunia di Kuala Terengganu dan Marang pada bulan Ramadan tahun 2020.



MUHAMMAD AQIL RIFQI (kanan) dan Nur Azzahra Raisha menerima rawatan di wad kanak-kanak HSNZ, Kuala Terengganu baru-baru ini akibat keracunan makanan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : SINAR NEGERI

Satu kematian disahkan rabies pada 4 April

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memaklumkan terdapat satu kes kematian melibatkan seorang lelaki warga tempatan yang disahkan rabies pada Isnin (4 April).

Pengarah Kesihatan Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman dalam kenyataan di Facebook JKNS memaklumkan mangsa yang berusia 40 tahun dan menetap di daerah Petaling itu, meninggal dunia di rumah pada 10 Mac lepas.

"Mendiang dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat dan keputusan ujian makmal bag spesimen otak didapati positif virus rabies," katanya.

Dr Sha'ari berkata, hasil siasatan dalam kalangan masyarakat setempat mendapati mendiang dilihat masih berjalan-jalan di sekitar kawasan perumahan dua

hari sebelum meninggal.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan. Tiada gejala dan tanda penyakit rabies dilaporkan pada kes yang berlaku di Selangor ini," katanya.

Dr Sha'ari berkata berikutan kejadian kes tersebut, beberapa langkah pencegahan dan kawalan telah dijalankan secara bersepadu oleh JKNS, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Petaling antaranya penangkapan anjing liar yang dijalankan di lokaliti terdapat.

Dr Sha'ari berkata, siasatan di lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan Program Active Case Detection (ACD) dilakukan melibatkan kawasan dalam lingkungan radius satu kilometer dari rumah mendiang. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : SINAR NEGERI

JKNT siasat kes keracunan puding buih

KUALA TERENGGANU – Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) sedang menyiasat kes dua beradik yang mengalami cirit-birit dan muntah selepas dipercayai memakan puding buih yang dibeli di bazar Ramadan.

Pengarahnya, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, sampel puding buih tersebut akan diambil untuk dianalisis dan keputusan ujian makmal dijangka diperoleh dalam tempoh tujuh hari lagi.

"Sampel makanan tersebut akan dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Bukit Tunggul untuk siasatan," katanya pada Ahad.

Dalam kejadian pada Rabu lalu, dua beradik berusia sembilan dan tujuh tahun mengalami cirit-birit dan muntah selepas dipercayai memakan puding buih dibeli ibu mereka di sebuah bazar Ramadan.

Berikutan kejadian itu, kanak-kanak tersebut dimasukkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) pada Khamis dan kedua-duanya yang masih menerima rawatan dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

RESULTS SOON

Puding buih linked to food poisoning cases to be tested

KUALA TERENGGANU: The Terengganu Health Department will conduct tests on samples of *puding buih*, which is believed to have caused two children to suffer from food poisoning.

State Health director Datuk Dr Kasemani Embong said the samples would be sent to the Bukit Tunggal Food Safety and Quality Laboratory and the results would be obtained within seven days.

"If the pudding is proven to be the cause of food poisoning, action can be taken against the trader who sold the food under Regulation 39 of the Food Regulations 1985," she said yesterday.

On Saturday, it was reported that two siblings from Kampung

Seberang Tuan Chik here suffered from diarrhoea and vomiting at 4am after eating *puding buih* that was bought by their mother from a stall in Bukit Tumbuh last Wednesday.

The children, aged 9 and 7, were admitted to Sultanah Nur Zahirah Hospital on Thursday.

Both of them were in stable condition and one had been discharged.

Dr Kasemani advised the public to be careful when buying food during Ramadan.

"See, smell and taste food before eating, especially food that use eggs as an ingredient because eggs that are not cooked properly can contain salmonella bacteria, which may cause food poisoning," she said. **Bernama**

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

DECREASE FROM FRIDAY

10,177 Covid-19 cases, 20 deaths on Saturday

KUALA LUMPUR: Malaysia saw 10,177 new Covid-19 cases and 20 deaths on Saturday, a drop from the 14,944 infections and 21 fatalities recorded on Friday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative total of Covid-19 cases stood at 4,317,706.

He said out of Saturday's new cases, 99.38 per cent were in categories 1 and 2 and 0.62 per cent were in categories 3, 4 and 5.

"Of the 63 categories 3, 4 and 5 cases, 20 are unvaccinated or only received one dose, 22 are fully vaccinated and 21 are boosted.

"Two cases involve pregnant women, 38 involve senior citizens and 35 have comorbidities," he said yesterday.

He said two new clusters were identified on Saturday — Taman Impian Jaya education cluster in Tampin, Negri Sembilan, and Jalan Stesen Hulu high-risk group cluster in Larut, Matang and Selama, Perak.

He said 15,132 recoveries were reported on Saturday, bringing the total to 4,128,963.

"There are 195 Covid-19 cases being treated at intensive care units (ICU), with 108 on ventilators."

He said 486 Covid-19 patients were admitted and 494 were discharged on Saturday.

He said of the hospitalisations, 198 were in categories 3, 4 and 5 cases and 288 were



A boy sitting still as a health worker administers a dose of a Covid-19 vaccine at the Tapak Ekspo vaccination centre in Seberang Jaya yesterday.

PIC BY DANIAL SAAD

categories 1 and 2.

Up to Saturday, 25 per cent of the 11,791 Covid-19 normal hospital beds, 22 per cent of 869 ICU beds and four per cent of 7,255 Covid-19 quarantine and treatment centre beds were in use.

Data on the CovidNow portal showed

that 67.6 per cent of the adult population, or 15,908,442 people, had received a Covid-19 vaccine booster dose.

More than 77,000 children aged 5 to 11 had received two doses of the vaccine and 1,358,791 children (38.3 per cent of the age group) had received one dose.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION

Nearly 16 million adults receive booster dose

KUALA LUMPUR: A total of 15,915,493 individuals or 67.6% of the adult population have received their Covid-19 boosters.

According to the CovidNow website, a total of 22,956,764 individuals or 97.6% of the adult population have been fully inoculated as of Saturday, while 23,233,706 or 98.8% have received at least one dose.

For those aged 12 to 17, a total of 2,859,026 individuals or 91.9% have completed their vaccination while 2,960,123 or 95.1% have gotten at least one dose.

A total of 104,250 children, aged

five to 11, have been fully vaccinated while 1,363,134 individuals or 38.4% have received their first dose.

On Saturday, 40,792 doses were administered, bringing the cumulative total dispensed under the National Covid-19 Immunisation Programme to 69,180,021.

Meanwhile, according to the Health Ministry's GitHub portal, 21 deaths due to Covid-19 were recorded on Saturday, with Johor recording the highest number at four cases followed by Kedah, Pahang and Selangor with three cases each. — Bernama

Recoveries exceed new cases, says Health DG

KUALA LUMPUR: A total of 15,132 recovered cases were reported on Saturday, which is higher than the number of new cases detected at 10,177, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said 10,124 were local transmissions with 96.8% involving Malaysians and 26.4% foreigners.

As for the 53 imported cases, 73.6% were Malaysians and 26.4% foreigners.

"A total of 486 Covid-19 cases were admitted to hospital with 198 cases or 40.7% in Categories 3, 4 and 5 while the remaining 288 cases or 59.3% in Categories 1 and 2," Dr

Noor Hisham said in a statement.

He said patients requiring ventilators dropped to 108 patients, taking up a usage rate of 12%.

On the usage of health facilities dedicated to Covid-19 cases, Dr Noor Hisham said only Selangor exceeded 50% in bed occupancy for critical or ICU cases at 58%.

The state also recorded occupancy of non-ICU beds at 51%.

Bed use at the Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centre in all states were below 50%.

Dr Noor Hisham also said there were two new clusters detected, bringing the total number of active clusters to 129. — Bernama

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

One death due to rabies reported in S'gor

SHAH ALAM: A 40-year-old man who died at his house in Petaling on March 10 was diagnosed with rabies, says the Selangor Health Department (JKNS).

Its director Dr Sha'ari Ngadiman, in a statement on the department's official Facebook page, said this was confirmed following a post-mortem on the victim last Monday.

"His body was sent to the Serdang Hospital for autopsy and the results of laboratory tests on brain specimens were found to be positive for the rabies virus," he said.

According to Bernama, Dr Sha'ari said an investigation on the movements of the deceased was conducted and it was found that he was still walking around the residential area two days before his death.

"The cause of the infection is still under investigation. No symptoms and signs of rabies were reported in this case," he said.

Dr Sha'ari said several prevention and control measures had been carried out by the Health and Veterinary Services Departments along with local authorities in Petaling.

These included the removal of stray dogs off the streets since April 7. The animals were sent to the Veterinary Research Institute.

He said all public and private health facilities had also been alerted to increase awareness and early detection of cases.

The Shah Alam and Serdang Hospitals are designated referral hospitals for dog bite cases in the state.

Dr Sha'ari also advised the public to always take preventive measures when bitten by dogs or wild animals. This includes cleaning the wound and seeking treatment.

"Immediately report to state Veterinary Service Department or the District Veterinary Services Office if pet dogs change behaviour, including becoming aggressive," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Selangor reports one rabies-linked death

SHAH ALAM: A 40-year-old man, who died at his house in Petaling on March 10, was found have rabies, said the Selangor Health Department.

Its director, Dr Sha'ari Ngadiman, in a statement on the department's official Facebook, said this followed a post-mortem result on the victim last Monday.

"His body was sent to Serdang Hospital for an autopsy and results of laboratory tests on brain specimens were found to be positive for the rabies virus," he said.

"The cause of the infection is still under investigation.

"No symptoms and signs of rabies were reported in this case," he said.

Sha'ari said several preventive and control measures had been carried out in an integrated manner by Selangor authorities, including removing stray dogs from streets.

"The captured dogs were sent to the Veterinary Research Institute," he told Bernama.

He said all public and private health facilities were alerted to have early detection of cases involving dog or wild animal bites.

The Shah Alam Hospital and Serdang Hospital had been appointed as referral hospitals for dog bite cases in the state.

Sha'ari also advised the public to always take preventive measures when bitten by dogs or wild animals such as to immediately clean the wound and seek treatment.

"Report to the state Veterinary Service Department or the district Veterinary Service Office immediately if pet dogs suddenly become aggressive, or if dogs or wild animals are found roaming in residential areas," he said.

Recoveries exceed new cases

KUALA LUMPUR: A total of 15,132 Covid-19 recovery cases that were reported on Saturday were higher than the number of new cases detected at 10,177, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said 10,124 new cases were local transmissions with 96.8% involving Malaysians and 26.4% foreigners. As for 53 imported cases, 73.6% were Malaysians and 26.4% foreigners.

"A total of 486 Covid-19 patients were admitted to hospitals on Saturday with 198 cases or 40.7% in categories three, four and five while the remaining 288 cases or 59.3% in categories one and two," Noor Hisham said in a statement yesterday.

He added patients requiring ventilators dropped to 108 on

Saturday, with ventilator usage rate of 12%.

Noor Hisham said only Selangor exceeded 50% in bed occupancy for critical or intensive case unit (ICU) cases at 58%. The state also recorded occupancy of non-ICU beds exceeding 50%, at 51%.

No state recorded bed occupancy of more than 50% at the Covid-19 Quarantine and Low-Risk Treatment Centres.

Noor Hisham said there were two new clusters recorded on Saturday bringing the total number of active clusters to 129.

The infectivity rate of Covid-19 or Rt value recorded throughout the country is 0.83 with Selangor still registering the highest at 0.93 and Kelantan the lowest at 0.65.

- Bernama

Nearly 16m adults given boosters

KUALA LUMPUR: A total of 15,915,493 or 67.6% of the adult population have received the Covid-19 booster dose as of Saturday.

According to the CovidNOW website, a total of 22,956,764 or 97.6% of the adult population have been fully vaccinated, while 23,233,706 or 98.6% received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,859,026 or 91.9% have completed the vaccination, while 2,960,123 or 95.1% received at least one dose of the vaccine.

A total of 104,250 children aged five to 11 have been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children, while

1,363,134 or 38.4% of the group

have received the first dose of the vaccine.

A total of 40,792 doses of vaccine were administered on Saturday, with 6,401 as first doses, 27,716 as second doses and 6,675 as booster doses, bringing the cumulative total vaccine doses dispensed under the immunisation programme to 69,180,021.

According to the Health Ministry's GifHub portal, 21 deaths due to Covid-19 were recorded on Saturday, with Johor recording the highest at four cases followed by Kedah, Pahang and Selangor with three cases each. Perak and Sarawak recorded two cases each while Malacca, Negri Sembilan, Perlis and Kuala Lumpur have one case each. - Bernama